

29/09/2003

Arahan kajian terperinci pusat potong babi

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan kerajaan negeri membuat kajian terperinci sebelum membenarkan mana-mana pusat pemotongan babi dibina dan beroperasi di negeri masing-masing.

Perdana Menteri berkata, kajian itu merangkumi sistem rawatan yang akan digunakan di premis berkenaan bagi memastikan sisa kumbahan tidak mencemari alam sekitar, termasuk sumber air.

"Kena jagalah (alam sekitar)...kalau pun tak ada tempat yang tidak terdedah kepada hujan. Hujan di Malaysia lebat tetapi kita boleh salurkan air itu (sisa kumbahan), bersihkan air itu (sisa kumbahan).

"Kerajaan negeri (Selangor) perlu kaji sebelum melaksana atau membenarkan kemudahan ini dibina dan beroperasi. Kalau dah bina, makna... dia dah kajilah," katanya mengulas langkah Kerajaan Selangor membenarkan pusat pemotongan babi beroperasi di kawasan tadahan hujan, berdekatan Sungai Selangor, di sini.

Perdana Menteri memberitahu pemberita demikian di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, di sini semalam, sekembalinya daripada lawatan ke London, Sweden, New York dan Monaco.

Dr Mahathir bagaimanapun menegur sikap rakyat negara ini yang kerap menolak langkah kerajaan walaupun ia untuk kebaikan semua.

"Buat macam mana pun, tak kena sebenarnya. Macam hal bakar sampah juga. Tidak ada siapa yang nak ada tempat bakar sampah (insinerator).

"Saya lihat satu sikap di Monaco yang amat menarik. Monaco ada perlumbaan kereta Formula Satu (F1) di dalam bandar. Kita tahu perlumbaan F1 ini cukup bising tetapi penduduk tak mengadu. Mereka tidak mengadu kerana ini satu acara yang menguntungkan. Mungkin tak untungkan semua daripada mereka tetapi menguntungkan industri pelancongan dan Monaco bergantung kepada industri pelancongan. Mereka tidak mengadu.

"Kalau kita, kapal terbang lalu atas pun dah marah. Kita orang kaya, kita tak boleh tahan semua ini...macam mana mereka boleh buat bising. Tapi di Monaco... mereka tahu bising F1 buat banyak pusingan. Di Sepang, kita pun tahu, bunyi dia dahsyat tapi mereka (Monaco) terima," katanya.

Ditanya mengenai keputusan Kabinet berhubung penternakan babi secara bersepadu (PFA) berikutan wabak Japanese Encephalitis (JE), yang mengakibatkan kematian lebih 100 penduduk termasuk 30 kanak-kanak, terutama di Bukit Pelanduk, Port Dickson dan kawasan sekitarnya pada 1999, Dr Mahathir berkata:

"JE pun kita tak mau, buat tang mana pun kita tak mau. Jadi, saya tak taulah apa yang kita nak. Akhirnya, (ternakan babi) akan dibuat secara haram... lepas itu kita marahlah, kenapa secara haram dan kerajaan tak buat apa-apa.

"Kerajaan nak buat secara halal...halal punya pig farming (ladang ternakan babi), semua tak setuju."

Wabak JE melanda negara sekitar 1999 berpunca daripada babi dan disebarkan melalui nyamuk Culex itu bukan saja memberi kesan buruk ke atas ekonomi dan pelancongan negara, tetapi juga terhadap psikologi penduduk tempatan.

Awal September lalu, Berita Harian melaporkan mengenai langkah pihak berkuasa di Selangor membenarkan pusat pemotongan babi berhampiran sumber air, walaupun berhasrat menutup ladang ternakan haiwan itu di sebelahnya.

Langkah itu menimbulkan kebimbangan banyak pihak kerana dikhuatiri mencemari bekalan air bersih kepada sebahagian besar penduduk negeri ini dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pusat seluas 20 hektar berharga RM30 juta, terletak kira-kira lima kilometer dari Jalan Rawang-Berjantai Bestari, dengan kapasiti memotong 3,500 ekor babi sehari itu dijadual beroperasi selewat-lewatnya bulan ini.

Ia dikatakan menggantikan pusat pemotongan di Seksyen 15, Shah Alam.